



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**TATACARA OPERASI STANDARD BADAN KEHAKIMAN
SEPANJANG PANDEMIK COVID-19**

Baru-baru ini, Kerajaan Malaysia telah mengantikan Perintah Kawalan Pergerakan ('PKP') dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ('PKPB') yang berkuat kuasa mulai 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Dengan berlakunya Pandemik Covid-19, langkah-langkah pencegahan perlu dilaksanakan bagi menjamin keselamatan orang awam. Kaedah yang biasa kami gunakan dalam menyediakan perkhidmatan perundangan dan menguruskan hubungan profesional secara keseluruhannya perlu disesuaikan dengan norma baharu dan jangkaan. Ini tidak bermakna akses kepada keadilan (*access to justice*) adalah terhenti. Badan Kehakiman sentiasa komited kepada tanggungjawabnya di bawah Perlembagaan bagi memastikan akses kepada keadilan yang berterusan kepada orang awam dan pada masa yang sama, keselamatan dan kesihatan orang awam terpelihara.

Oleh itu, pada 3 Mei 2020, Badan Kehakiman telah mengumumkan bahawa semua Mahkamah akan beroperasi semula pada 13 Mei 2020 tertakluk kepada langkah-langkah keselamatan yang ketat. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mengeluarkan dan mengedarkan dokumen-dokumen yang berikut (kedua-duanya bertarikh 3 Mei 2020):

- (i) Garis Panduan Pengendalian Kes Semasa Tempoh PKPB dan Pasca PKP;
dan
- (ii) Tatacara Operasi Standard (SOP) Pencegahan Wabak Covid-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia Semasa Tempoh PKPB dan Pasca PKP.

Kenyataan media ini merupakan ringkasan langkah-langkah keselamatan sebagai makluman kepada orang awam untuk memastikan Mahkamah beroperasi dengan lancar.

A. Langkah-Langkah Am – Penjarakan Sosial dan Aturan Baharu Urusan

1. Norma baharu melibatkan pematuhan kepada penjarakan sosial dalam semua aspek kehidupan termasuk semasa melakukan transaksi di kaunter, beratur untuk masuk ke dalam lif atau semasa membeli makanan di kantin Mahkamah. Bagi menggalakkan penjarakan sosial, semua perkarangan Mahkamah telah ditanda dengan sempadan berwarna merah yang perlu dipatuhi oleh orang awam bagi maksud mengekalkan penjarakan sosial.
2. Penjarakan sosial juga membawa kepada aturan baharu urusan yang melibatkan penyesuaian struktur institusi. Bagi maksud ini, Kerajaan telah memperkenalkan hari bekerja secara penggiliran bagi kakitangan Kerajaan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diteruskan di samping menjaga keselamatan diri.
3. Perubahan juga dibuat kepada budaya kerja seharian selaras dengan penjarakan sosial. Pasukan tetap akan bertugas di Mahkamah dalam tempoh waktu terhad yang ditetapkan. Jadual bertugas telah disediakan bagi membolehkan kakitangan Mahkamah bertugas secara penggiliran, iaitu, sama ada bekerja dari rumah atau di pejabat.
4. Perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut akan beroperasi sepenuhnya tertakluk kepada tatacara pengendalian yang baharu:
 - (i) Kaunter Pendaftaran;
 - (ii) Kaunter Setempat;
 - (iii) Kaunter Pesuruhjaya Sumpah;
 - (iv) Kaunter Surat Kausa Wakil;
 - (v) Kaunter Biro Perkhidmatan e-Filing; dan

- (vi) Bahagian Pengurusan dan Kewangan di semua Pusat Tanggungjawab dan Pusat Kos.

B. Pendengaran Kes Secara Dalam Talian

5. Mahkamah sebolehnya akan mengendalikan pendengaran kes secara dalam talian melalui medium komunikasi elektronik bagi mengelakkan keperluan pergerakan dan kehadiran secara fizikal di Mahkamah. Permohonan interlokutori, rayuan dan mediasi boleh didengar melalui medium elektronik. Urusan Mahkamah akan didigitalisasikan (*digitalised*). Aplikasi-aplikasi sistematik seperti *e-Review* akan digunakan sepenuhnya bagi pengurusan kes dan persidangan praperbicaraan (*pre-trial conferences*). Pemeriksaan dan penandatanganan dokumen akan dibuat secara elektronik. Permohonan dalam talian akan menjadi norma baharu bagi meminimumkan kontak fizikal.
6. Pihak-pihak adalah digalakkan untuk memohon kepada Mahkamah bagi pendengaran secara dalam talian kes-kes yang bersesuaian untuk meminimumkan interaksi fizikal. Hakim atau Pendaftar mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada sesuatu kes akan didengar secara dalam talian demi kepentingan keadilan.
7. Mahkamah di Malaysia juga boleh atas inisiatifnya sendiri, mengendalikan perbicaraan melalui persidangan video bagi kes-kes tertentu, mengikut kesesuaian, demi kepentingan keadilan dan setelah mengambil kira keselamatan dan kesihatan orang awam.

C. Langkah-Langkah Pengendalian Orang Ramai

- i. **Pintu Masuk Terhad dan Kawalan Orang Ramai**
8. Langkah-langkah khas adalah diambil untuk mengawal selia laluan masuk dan keluar Pengguna Mahkamah. Laluan masuk yang mana semua orang yang ingin

memasuki bangunan Mahkamah perlu beratur dan menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum memasuki bangunan Mahkamah.

9. Kapasiti lokasi semua kawasan di Mahkamah seperti bilik bicara, lobi, dan pejabat pendaftaran akan dihadkan bagi mengawal pergerakan orang awam selaras dengan penjarakan sosial.
10. Bagi mengawal penyebaran virus Covid-19, kami telah melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan bilangan pelawat ke Mahkamah. Mahkamah tidak membenarkan lawatan sosial buat sementara waktu. Semua lawatan berpandu, sangkutan (*internships*) dan latihan industri juga ditangguhkan sehingga diberitahu kelak.

ii. **Pengurangan Bilangan Kes yang Ditetapkan untuk Pendengaran**

11. Sekiranya kes perlu didengar di bilik pembicaraan (*courtroom*) secara fizikal, bilangan kes yang akan ditetapkan dalam satu-satu sesi adalah dihadkan. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan peguam, litigan dan orang awam berkumpul pada satu-satu masa. Orang awam yang duduk di galeri awam perlu mematuhi susunan tempat duduk yang bersesuaian bagi tujuan penjarakan sosial.
12. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Hakim dan Pegawai Kehakiman akan bertugas secara penggiliran. Sistem penggiliran adalah tidak terpakai bagi lokasi yang mempunyai satu bilik pembicaraan sahaja tetapi bilangan kes yang dikendalikan di Mahkamah tersebut akan dikurangkan.
13. Semua perkara dalam Kamar akan dikendalikan di Mahkamah Terbuka.
14. Selanjutnya, perkara-perkara yang berikut yang berhubungan dengan pengurusan kes dan perbicaraan di Mahkamah Rendah perlu diambil perhatian:
 - (i) untuk mengelakkan kesesakan di bangunan Mahkamah, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret digalakkan untuk mengurangkan bilangan kes harian

- mereka sebanyak 50% dan perbicaraan tidak perlu dijalankan secara tergesa-gesa;
- (ii) keutamaan akan diberikan kepada kes-kes sambung bicara dan kes-kes penting seperti yang melibatkan penjawat awam, kes-kes yang telah lama didaftarkan (*ageing cases*) dan kes-kes yang melibatkan tahanan dalam reman; dan
 - (iii) semua perbicaraan yang belum bermula adalah ditangguhkan dalam tempoh mulai 13 Mei 2020 sehingga 31 Julai 2020.

iii. Pendengaran Kes Secara Berperingkat

- 15. Penetapan kes untuk pendengaran akan dibuat secara berperingkat. Ini bermakna hanya peguam dan pihak-pihak yang berkenaan dengan kes tersebut akan dibenarkan untuk berada di dalam bilik pembicaraan. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan bilangan orang di dalam bilik pembicaraan pada satu-satu masa.
- 16. Ruang atau tempat menunggu tambahan di dalam bilik pembicaraan lain atau lobi Mahkamah akan disediakan bagi mengelakkan orang ramai berkumpul di dalam bilik bicara. Mahkamah akan menggunakan *Queue Management System* (QMS) atau mekanisme lain yang sesuai untuk memanggil kes seterusnya.

iv. Protokol Alternatif Pendengaran Kes

- 17. Jika Mahkamah atau pihak-pihak mempunyai langkah untuk mengurangkan bilangan orang dalam sesuatu pendengaran atau perbicaraan, langkah-langkah tersebut adalah digalakkan. Sekiranya Orang Kena Tuduh ('OKT') diwakili oleh peguam, kehadiran OKT tersebut boleh dikecualikan melainkan Mahkamah mengarahkan sebaliknya.
- 18. Mediasi dalam kes-kes di mana pihak-pihak adalah diwakili peguam boleh dijalankan melalui sidang video.

19. Permohonan untuk penangguhan kes akan dijalankan secara dalam talian tanpa kehadiran pihak-pihak di Mahkamah. Bagi kes-kes yang tidak memerlukan kehadiran pihak-pihak di Mahkamah, arahan berkenaan penjalanan kes akan diberikan melalui kaedah elektronik seperti e-Review atau e-mel.
20. Sebagai tambahan, dalam kes-kes sivil dan jenayah, Mahkamah boleh memilih untuk mempercepat perbicaraan dengan mengurangkan bilangan orang yang terlibat dengan menggunakan pakai pernyataan saksi.

D. Kawalan Kebersihan Dipertingkatkan

21. Langkah-langkah pencegahan akan diambil untuk meningkatkan tahap kebersihan di bangunan Mahkamah. Kami berusaha untuk membersihkan dan menyahjangkit kawasan awam (seperti pintu masuk bangunan, lobi, lif, bilik pembicaraan, dan pejabat pendaftaran) dan tempat-tempat yang kerap disentuh (seperti pemegang pintu dan susur tangan) sekurang-kurangnya setiap tiga jam sekali.

E. Penekanan kepada Kebajikan Kakitangan Mahkamah dan Orang Awam

22. Semua langkah yang diambil adalah untuk memastikan kebijakan Pengguna Mahkamah dan kakitangan Mahkamah adalah selaras dengan amalan kesihatan terbaik. Ini termasuk:
 - a. kakitangan Mahkamah perlu diambil suhu badan setiap hari di laluan masuk sebelum mereka mula bertugas;
 - b. Pengguna Mahkamah perlu diambil suhu badan di laluan masuk bagi memastikan suhu badan yang normal dan hanya individu yang mempunyai suhu 38 darjah Celcius dan ke bawah yang dibenarkan masuk;
 - c. Pengguna Mahkamah perlu mengisi borang bagi tujuan penjejakan sosial (*social tracing*) sebelum memasuki bangunan Mahkamah;

- d. Pengguna Mahkamah tidak dibenarkan menghadiri mana-mana prosiding Mahkamah atau berurusan di pejabat pendaftaran Mahkamah sekiranya masih di bawah kuarantin atau pengawasan perubatan oleh Kerajaan;
 - e. Pengguna Mahkamah tidak sepatutnya hadir ke Mahkamah sekiranya tidak sihat atau demam dan/atau mempunyai simptom selsema;
 - f. Pengguna Mahkamah perlu memakai penutup muka apabila memasuki premis Mahkamah, terutamanya apabila berinteraksi dengan orang lain di dalam premis tersebut (pihak Mahkamah tidak membekalkan penutup muka);
 - g. Pengguna Mahkamah perlu menyahjangkit tangan mereka selepas memasuki Mahkamah dan/atau menyentuh mana-mana susur tangan atau menekan apa-apa butang, dsb.;
 - h. kebijakan kakitangan Mahkamah perlu dipantau secara berterusan. Sekiranya terdapat apa-apa laporan jangkitan Covid-19, Ketua Jabatan dikehendaki melaporkannya kepada Jabatan Kesihatan untuk tindakan lanjut. Apa-apa arahan lanjut daripada pihak berkuasa Kesihatan hendaklah dipatuhi.
23. Langkah-langkah di atas dikeluarkan sebagai lanjutan kepada komitmen Badan Kehakiman untuk penyampaian keadilan yang efisien. Badan Kehakiman menekankan bahawa kesihatan dan keselamatan orang awam, termasuk Pengguna Mahkamah, Hakim, Pegawai Kehakiman, dan kakitangan Mahkamah terus menjadi keutamaan. Badan Kehakiman akan sentiasa menyemak tatacara ini dari semasa ke semasa. Badan Kehakiman juga akan terus berhubung dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan akan memaklumkan Pengguna Mahkamah tentang apa-apa perkembangan lanjut.
24. Bagi memastikan kesihatan dan keselamatan semua pihak, kami memohon kerjasama semua pihak untuk meneliti, memahami dan mematuhi semua protokol

keselamatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dan Badan Kehakiman serta sentiasa mengambil maklum tentang semua protokol kesihatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

25. Kita berdepan dengan pelbagai cabaran dan kami ingin anda semua tahu bahawa kami sentiasa bersama-sama dengan anda untuk berhadapan dengan situasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Bertarikh: 11 Mei 2020

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada:

komunikasikorporat@kehakiman.gov.my